

16/09/2002

Pertuduhan dalam Mandarin timbulkan keraguan

BERITA lima pemungut hutang dituduh merompak barangan elektrik seorang lelaki, adalah kisah biasa jika tidak kerana bahasa pertuduhan dibuat terhadap mereka. Lima lelaki itu hanya memahami pertuduhan dibacakan dalam bahasa Mandarin oleh penterjemah di mahkamah di Petaling Jaya, kelmarin. Apa yang berlaku itu, kelima-lima tertuduh tidak memahami bahasa Melayu atau Inggeris adalah aneh dan menimbulkan banyak tanda tanya terutama selepas 45 tahun kita mencapai kemerdekaan. Apakah mereka memang benar-benar tidak faham bahasa Melayu atau sengaja tidak mahu memahaminya. Jika mereka jahil berbahasa Melayu, jelas ada sesuatu yang tersilap iaitu sama ada sistem pendidikan negara, usaha integrasi kaum yang masih lemah atau pun sebab lain. Jika dikaji daripada segi umur, semua tertuduh dilahirkan selepas merdeka dan terdedah kepada pelbagai kempen menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan.

Jika dikaji soal persekolahan pula, mungkin tumpuan pelajar Cina kepada sekolah jenis kebangsaan Cina saja, mengetepikan sekolah jenis kebangsaan, menyebabkan wujudnya sesetengah penduduk yang tidak faham bahasa Melayu. Mungkin, persekitaran sekolah kebangsaan Cina di sini, dibentuk ala sekolah di Taiwan atau China sendiri, sebagaimana dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, menjadi puncanya. Walau apapun penyebabnya, pembacaan pertuduhan itu dalam bahasa Mandarin, adalah bukti wujudnya kepincangan tidak diduga dan amat ketara dalam usaha kita melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu padu. Hendaknya ia hanyalah satu kes terpencil dan tidak menggambarkan kegagalan usaha integrasi kaum kita selama ini.